

## Keberkesanan Kolaborasi bersama Hudbaba Barber Academy dalam menjalankan Kursus Pendek Guntingan Rambut

Ismail Bin Samsudin\* dan Norita binti Ahmad

Kolej Komuniti Paya Besar

\*Pengarang Pengantara: *ismail@kcpbe.edu.my*

### Abstrak

Penekanan terhadap agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) oleh pihak kerajaan adalah bertujuan memastikan komuniti mendapat peluang kemahiran merentasi peringkat umur dan latar belakang pendidikan. Justeru kajian ini adalah berkaitan keberkesanan kolaborasi bersama agensi Hudbaba Barber Academy dalam menjalankan program PSH bagi sub bidang guntingan rambut. Ia di lihat mampu memberi ruang dan peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan kemahiran yang mampu menjana atau meningkatkan pendapatan. Kajian ini juga adalah untuk melihat faedah jalinan kolaborasi yang dijalankan antara agensi dan institusi. Kaedah kuantitatif digunakan bagi pengumpulan data melalui borang soal selidik secara atas talian. Seramai 31 orang peserta bagi kedua-dua program Asas Guntingan Rambut dan Guntingan Rambut Wanita terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan 94% peserta telah dapat meningkatkan kemahiran guntingan rambut dan 65% peserta berjaya menjana dan meningkatkan pendapatan mereka dalam bidang program yang dihadiri. Disamping itu, majoriti peserta bersetuju mereka mendapat faedah seperti menghadiri kursus dengan harga yang murah, berkongsi kemahiran bersama tenaga pengajar, kelancaran kursus yang dijalankan serta mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi hasil jalinan kolaborasi yang dijalankan bersama syarikat Hudbaba Barber Academy. Diharap jalinan kerjasama seumpama ini mampu membuka mata masyarakat terhadap peranan Kolej Komuniti Paya Besar selaku peneraju institusi TVET dengan pihak agensi iaitu syarikat Hudbaba Barber Academy dalam memastikan kejayaan program kolaborasi yang dirancang.

**Kata kunci:** Keberkesanan, Kolaborasi, Kursus pendek

## 1.0 Pengenalan

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah suatu proses belajar berterusan bertujuan untuk mengembangkan pengetahuan, keterampilan dan kemahiran bagi setiap individu. PSH tidak terhad kepada golongan yang bekerja sahaja malah ia perlu melewati kumpulan fokus iaitu belia, golongan B40, warga emas, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU) dan orang asli. Sasaran peserta PSH pula adalah seperti pelajar sekolah dan institusi pendidikan tinggi, pelajar tahfiz dan sekolah pondok, pekerja industri, surirumah, kakitangan kerajaan dan swasta serta ahli badan bukan kerajaan (NGO).

Melalui PSH yang dijalankan di Kolej Komuniti, ia membolehkan semua warga Malaysia untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tambahan yang sesuai dengan keperluan masa kini dalam pelbagai bidang. Antara bidang yang ditawarkan adalah Katering dan Sajian, Jahitan dan Pakaian, Perniagaan dan Keusahawanan, Kecantikan dan Dandan, Komputer dan Teknologi Maklumat, Grafik dan Multimedia, Elektrik dan elektronik dan Kerohanian dan Keagamaan. Ia melibatkan kesedaran kepentingan individu untuk terus belajar dan meneroka, tidak hanya terhad kepada ilmu pengetahuan di sekolah atau peringkat lebih tinggi sahaja, tetapi juga melalui pengalaman harian, interaksi sosial dan eksplorasi peribadi.

Terdapat dua (2) objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program PSH iaitu Kursus Pendek Asas Guntingan Rambut dan Guntingan Rambut Wanita dari segi peningkatan kemahiran dan penjana pendapatan. Seterusnya objektif kajian yang kedua adalah untuk melihat faedah jalinan kolaborasi yang dijalankan bersama agensi kepada peserta dan institusi. Kedua-dua objektif ini adalah untuk menjawab persoalan kajian iaitu adakah peserta dapat meningkatkan kemahiran guntingan rambut dan pendapatan mereka selepas menyertai kursus serta apakah persediaan penganjur untuk menjalankan kolaborasi bersama agensi tersebut.

Sebagai salah sebuah institusi peneraju kemahiran kemahiran vokasional dan teknikal (TVET) dan hab Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti yang telah digariskan oleh jabatan (Razzian et al., 2017), Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) telah melaksanakan Kursus Pendek Asas Guntingan Rambut dan Guntingan Rambut Wanita yang merupakan salah satu kursus dalam sub bidang Dandan Rambut. Kursus ini diadakan kerana KKPB mempunyai Bilik Spa dan Salon yang terletak di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat selain ia sentiasa mendapat permintaan daripada komuniti. Kedua-dua kursus ini telah mendapat jalinan kolaborasi bersama agensi swasta iaitu Hudbaba Barber Academy, Indera Sempurna, Kuantan, Pahang.

## 2.0 Sorotan Kajian

Kolaborasi dalam menjalankan kursus pendek merupakan faktor penting untuk mencapai tujuan pembelajaran yang efektif. Hubungan kolaboratif antara pelbagai pihak dan agensi dapat membantu meningkatkan pengalaman pembelajaran peserta secara keseluruhannya. Semasa membuat perancangan untuk menjalankan kursus ini, Unit PSH, KKPB terlebih dahulu telah berjumpa dengan Pengurus Syarikat untuk membuat perbincangan bagi mencapai persetujuan dan kata sepakat sebelum program dijalankan. Ia bertujuan bagi mewujudkan hubungan baik untuk mengelakkan masalah komunikasi yang akan timbul kelak.

Kolaborasi ditakrifkan sebagai pertukaran dan perkongsian usaha, pengetahuan dan sumber oleh semua pihak yang terlibat untuk mencapai sesuatu matlamat yang persetujuan (Zurani, 2018). Dalam konteks ini, kolaborasi dilaksanakan antara kolej komuniti dan agensi bagi membolehkan kolej komuniti melatih komuniti setempat dalam bidang kemahiran yang sentiasa mendapat permintaan melalui PSH. Rajah berikut merupakan peringkat penglibatan dalam sesuatu kolaborasi:



**Rajah 1:** Peringkat Penglibatan Kolaborasi

Zurani & Mohamad (2019), telah menyatakan bahawa perundingan merupakan proses menghasilkan kesepakatan atau perjanjian antara dua pihak yang memerlukan strategi untuk menentukan situasi menang-menang. Penglibatan pula adalah di kalangan peserta kursus yang mendapat pengalaman dan kemahiran semasa sesi pembelajaran dijalankan. Penyertaan pula peningkatan hasil pembelajaran yang lebih dalam melaksanakan tugas harian mahupun pekerjaan. Manakala perkongsian merupakan hubungan yang sama antara kedua-dua pihak dalam mencapai matlamat yang sama serta menghormati perbezaan kemahiran yang dimiliki oleh setiap peserta.

Dalam kajian ini, Unit PSH amat berbesar hati atas kesudian pihak agensi iaitu Hudbaba Barber Academy untuk menjalin kolaborasi bersama KKPB. Pemilihan agensi atas beberapa faktor iaitu kejayaan agensi yang telah melatih ramai tukang gunting rambut serta telah mempunyai empat (4) cawangan kedai di sekitar bandar Kuantan, Pahang.

Selain itu, terdapat tiga faktor yang mempengaruhi Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) iaitu faktor persekitaran, faktor peribadi dan faktor institusi (Nik Ahmad Rizal et al., 2023). Faktor persekitaran adalah termasuk kemudahan pembelajaran yang disediakan, akses teknologi maklumat dan komunikasi yang baik. Faktor peribadi seperti motivasi juga berperanan dalam


meningkatkan minat dan keinginan individu untuk terus belajar manakala faktor institusi pula merangkumi kualiti pengajaran dan pembelajaran serta infrastruktur yang disediakan. Konsep ini amat diperlukan bagi seseorang untuk meningkatkan kemahiran di alam pekerjaan sesuai dengan perkembangan teknologi semasa serta aktiviti kehidupan seharian.

Kajian Ealangov et al.. (2018) telah menyokong kajian ini dan telah menyatakan bahawa fasiliti yang disediakan serta tahap kompetensi pengajar yang berkelayakan adalah perlu bagi membolehkan sesi pengajaran dapat berjalan dengan berkesan dan mencapai objektif. Manakala Yunus et al.. (2020) juga telah menyatakan faktor sendiri dan kesediaan institusi mempengaruhi minat peserta untuk mengikuti kursus PSH. Kerjasama antara Kolej Komuniti dan agensi luar perlu diteruskan dalam merealisasikan pelaksanaan PSH sebagai salah satu program peningkatan pengetahuan dan kemahiran yang memberi nilai tambah kepada seseorang. Terdapat juga kajian menunjukkan hubungan yang kuat antara kemahiran TVET dan keupayaan untuk menghasilkan pendapatan yang lebih baik (Nik Ahmad Rizal et al., 2023).

Seramai tiga puluh satu (31) orang peserta dari pelbagai lapisan umur telah berjaya melengkapkan kursus tersebut. Malah terdapat juga peserta yang hadir kedua-dua kursus iaitu Asas Guntingan Rambut yang dijalankan pada 25 – 26 Februari 2023 dan Guntingan Rambut Wanita yang dijalankan pada 8 – 9 Julai 2023. Ini menunjukkan salah satu faktor keberkesanan dalam memberikan latihan adalah kaedah penyampaian yang dilakukan oleh penceramah adalah sangat memuaskan (Mohd Zaini et al., 2023). Penyertaan yang menggalakkan ini telah memberi semangat kepada Unit PSH, KKPB untuk terus merancang dan melaksanakan kursus guntingan rambut di peringkat lanjutan pula.

### 3.0 Metodologi Kajian

Kejayaan pelaksanaan sesuatu kajian memerlukan perancangan dan proses kerja yang sistematik. Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat beberapa fasa pelaksanaan yang telah dijalankan untuk memastikan data yang dikumpul dapat memenuhi objektif kajian. Terdapat 4 langkah kajian yang diikuti untuk memastikan kejayaan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 berikut.



**Rajah 2:** Metodologi Kajian



Dalam fasa pertama, penyelidik telah mengenalpasti isu kajian untuk mendapatkan gambaran sebenar program PSH yang dijalankan di institusi. Ia melibatkan aktiviti untuk menentukan latar belakang dan objektif kajian. Selain itu, penyelidik juga telah membuat sorotan kajian bagi meneroka isu kajian bagi memantapkan pengetahuan yang berkaitan dengan isu tersebut. Dalam kajian ini, keberkesanan kolaborasi antara institusi dan agensi semasa dan selepas menjalankan program guntingan rambut adalah isu yang telah dikenalpasti.

Dalam fasa pengumpulan data, semua soalan kajian telah diedarkan kepada peserta program menggunakan borang soal selidik secara atas talian melalui aplikasi Google Forms bermula pada bulan Februari 2024. Aplikasi Google Form digunakan untuk tujuan ini di mana pautan soal selidik telah dihebahkan kepada peserta melalui aplikasi Whatsapp. Soalan kajian bagi faedah kolaborasi telah diambil dalam kajian terdahulu yang dijalankan oleh penyelidik sebelum ini (Zurani, 2018). Strategi komunikasi perlu dijalankan dengan baik memandangkan soal-selidik ini dihebahkan kepada peserta program dalam tempoh 6 hingga 12 bulan selepas program dijalankan.

Seterusnya dalam fasa analisis dapatan data, jawapan daripada borang soal selidik yang diperolehi dalam fasa terdahulu telah dianalisis menggunakan perisian Microsoft Office Excel (Spreadsheet). Kesemua maklumat yang telah diproses ini dipaparkan dalam bentuk jadual dan graf yang bersesuaian beserta keterangan lanjut berkenaan hasil kajian yang diperolehi. Analisis data telah dibuat bagi setiap soalan yang diberikan dalam borang soal-selidik tersebut.

Mana kala dalam fasa terakhir kajian, satu perbincangan dan kesimpulan hasil daripada maklumat yang diperolehi telah dilaksanakan oleh penyelidik. Kesimpulan yang dibuat adalah menjurus kepada jawapan terhadap objektif kajian yang dikehendaki. Kesemua fasa kajian ini adalah penting sebagai panduan bagi memastikan kajian dapat dijalankan secara sistematik.

#### **4.0 Analisis dan Perbincangan**


Seramai 31 orang peserta telah menjawab soalan kajian ini. Bahagian I adalah maklumat peserta yang terdiri daripada sepuluh (10) soalan iaitu jantina, umur, bangsa, program yang dihadiri, peningkatan kemahiran, status penjaan pendapatan, pendapatan sebelum, pendapatan selepas, status pekerjaan dan mod perniagaan.

Jadual 1 menunjukkan gambaran keseluruhan maklumat umum peserta. Berdasarkan jadual tersebut, ia menunjukkan majoriti peserta berumur 50 tahun ke bawah iaitu dari peringkat remaja dan belia atau dewasa berminat untuk menambah pengetahuan dalam bidang guntingan rambut ini. Keseluruhan 31 peserta yang mengikuti program ini juga adalah berbangsa Melayu. Bahagian I ini juga mengandungi persoalan adakah kursus yang disertai peserta dapat meningkatkan kemahiran guntingan rambut mereka. Ini penting untuk melihat samada peserta berjaya memperolehi kemahiran tersebut serta mempraktikannya selepas tamat kursus.


**Jadual 1:** Maklumat Umum Peserta

	<b>Kategori</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
<b>Jantina</b>	Lelaki	13	42%
	Perempuan	18	58%
	Jumlah	31	100%
<b>Umur</b>	16 – 30 tahun	15	48%
	31 – 50 tahun	14	45%
	51 tahun dan ke atas	2	7%
	Jumlah	31	100%
<b>Bangsa</b>	Melayu	31	100%
	Jumlah	31	100%
<b>Program yang dihadiri</b>	Asas Guntingan Rambut (25 – 26 Feb 2023)	19	61%
	Guntingan Rambut Wanita (8 – 9 Julai 2023)	12	39%
	Jumlah	31	100%

Berdasarkan Rajah 3 tersebut, seramai 94% peserta bersetuju, melalui program yang disertai dapat meningkat kemahiran mereka dan hanya 6% yang tidak bersetuju. Ini membuktikan bahawa program yang dilaksanakan berjaya meningkatkan kemahiran peserta dalam bidang guntingan rambut. Namun, terdapat 16% responden yang tidak bersetuju kemahiran yang diperolehi dapat diaplikasikan disebabkan oleh tugas hakiki peserta iaitu masih belajar dan terikat dengan jadual kerja yang padat. Sebaliknya seramai 84% peserta pula dapat mempraktikkan kemahiran yang dipelajari sama ada semasa bekerja sebagai tukang gunting rambut secara separuh masa atau pun bekerja dengan majikan.



**Rajah 3 :** Peningkatan Kemahiran Peserta



**Rajah 4:** Status Penjanaan Pendapatan


Rajah 4 pula menunjukkan 65% peserta dapat meningkatkan pendapatan dan hanya 35% sahaja peserta menyatakan tiada perubahan pendapatan mereka. Sementara penurunan pendapatan tiada menyumbang apa-apa peratusan. Kajian ini juga dapat melihat impak peningkatan pendapatan yang diperolehi oleh peserta sebelum dan selepas menghadiri program kolaborasi ini.

Hasil soal-selidik menunjukkan julat pendapatan RM 0 – RM 500.00 telah dapat dikurangkan dari 11 orang responden (34.4%) kepada 7 orang (21.9%). Begitu juga bagi julat RM 501.00 – RM 1,000.00 dimana terdapat penurunan sebanyak 4 responden (12.5%) membuktikan responden berjaya meningkatkan pendapatan mereka melebihi RM 1,000.00.00 sebulan. Ini jelas dibuktikan apabila pertambahan sebanyak 3 orang responden (9.37%) yang memberi maklum balas pendapatan mereka melebihi RM 1,000.00 sebulan.

Begitu juga peningkatan pendapatan peserta apabila 3 orang (6.25%) telah bertambah menjadikan 5 orang responden (15.6%) memperolehi pendapatan antara RM 2,001.00 ke RM 2,500.00 sebulan. Peningkatan pendapatan juga di kesan apabila tiada seorang pun responden menerima pendapatan untuk julat pendapatan RM 3,001.00 – RM 4,500.00 sebelum kursus tetapi melonjak pendapatan selepas kursus iaitu RM 3,001.00 – RM 3,500.00 seramai 2 responden (6.3%) dan untuk julat RM 4,000,00 – RM 4,500.00 seramai seorang responden (3.1%).

Terdapat seorang peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan dari julat pendapatan senyap RM 8,001.00 – RM 8,500.00 sebulan meningkat ke RM 10,000.00 ke atas. Walaupun hanya seorang peserta atau 3.1%, namun peningkatan ini dilihat sangat memberi kesan positif kepada objektif kajian ini. Ini jelas menunjukkan peserta dapat meningkatkan pendapat mereka dalam tempoh enam (6) bulan selepas menghadiri program tersebut. Peningkatan ini secara tidak langsung mampu menjadi penyumbang kepada pendapatan keluarga dan ekonomi negara.

**Rajah 5:** Status Perniagaan dan Pelaksanaan Perniagaan



Soalan seterusnya adalah status perniagaan peserta yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Didapati sebanyak 46.13% dari jumlah peserta mempunyai perniagaan sendiri manakala sebanyak 53.87% dari peserta tidak mempunyai perniagaan sendiri. Daripada jumlah tersebut, seramai 16% dari jumlah peserta adalah merupakan majikan sementara 33.69% menjadikan ia sebagai pekerjaan separuh masa. Manakala, didapati sebanyak 49.73% peserta adalah bekerja dengan dengan majikan.

Bagi Mod Perniagaan, 3 jenis mod telah dikenalpasti yang menjadi pilihan peserta seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Dapatan kajian pada Jadual 3 menunjukkan 73.1% atau 19 orang peserta melaksanakan perniagaan menggunakan mod kedai secara fizikal. 19.2% pula menggunakan mod kedai dalam talian dan hanya 7.7% menggunakan kedua-dua mod iaitu fizikal dan dalam talian. Ini menggambarkan kedai fizikal masih menjadi pilihan pelanggan kerana ia menyumbang kepada peratusan yang lebih tinggi. Lain-lain peserta tidak menjawab soalan ini kerana tergolong dalam peserta yang tidak mempraktikkan kemahiran yg dipelajari selepas menghadiri kursus.

**Jadual 2:** Mod Perniagaan

BIL	MOD PERNIAGAAN	BILANGAN	PERATUS
1	Kedai Fizikal	19	73.1%
2	Kedai Dalam Talian	5	19.2%
3	Kedua-dua mod	2	7.7%

Bahagian II pula terdiri dari lima (5) pernyataan berkaitan dengan faedah jalinan kolaborasi yang dijalankan terhadap peserta dan juga lima (5) pernyataan persediaan yang perlu dilakukan sebelum melaksanakan kolaborasi bersama agensi Hudbaba Barber Academy, Kuantan. Ia menggunakan 4 mata Skala Likert sebagai pengukuran. Selain itu, peserta juga boleh memberi cadangan penambahbaikan bagi menjalankan program kolaborasi yang akan datang. Jadual 3 berikut adalah keputusan pengiraan min dan sisihan piawai untuk setiap pernyataan bagi item-item tersebut.



Bagi item Faedah Jalinan Kolaborasi, keseluruhan purata yang diperolehi adalah tinggi iaitu 4.542 menunjukkan peserta bersetuju mereka mendapat faedah atas jalinan kolaborasi yang dilaksanakan di antara Kolej Komuniti Paya Besar dan agensi Hudbaba Barber Academy, Kuantan dalam menjalankan program ini. Selain itu, terdapat pernyataan yang menjurus kepada kepentingan untuk membuat persediaan dan perancangan sebelum sesuatu kerjasama dijalankan. Keputusan pengiraan skor purata keseluruhan adalah juga bernilai tinggi sebanyak 4.590 jelas menunjukkan majoriti peserta mempercayai perancangan sebelum kerjasama telah dilaksanakan dengan baik oleh Kolej Komuniti Paya Besar sebagai penganjur.

**Jadual 3:** Min dan Sisihan Piawai untuk setiap Pernyataan Item

Item	Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
<b>Faedah Jalinan Kolaborasi</b>	1	Hadir Berkursus dengan yuran rendah berbanding institusi lain.	4.56	0.669
	2	dapat berkongsi kemahiran dengan tenaga pengajar.	4.50	0.803
	3	Membina kepercayaan antara rakan-rakan responden.	4.56	0.504
	4	Membina kepercayaan antara rakan-rakan responden.	4.59	0.499
	5	Responden dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi.	4.50	0.672
<b>Perancangan Sebelum Kerjasama</b>	1	Memilih rakan kerjasama strategik.	4.63	0.492
	2	Memahami jenis kerjasama yang akan dilaksanakan.	4.59	0.499
	3	Kesedaran mengenai manfaat yang dihasilkan dari setiap jenis kerjasama.	4.66	0.483
	4	Kesedaran mengenai penyesuaian aktiviti.	4.66	0.486
	5	Kesedaran tentang halangan dalam proses kerjasama.	4.50	0.508
	6	Kesesuaian menggunakan kaedah yang baik.	4.50	0.508

Manakala sisihan piawai adalah pengukuran statistik bilangan yang berbeza dari jumlah purata dalam satu siri. Sisihan piawai rendah bermaksud bahawa data sangat berkaitan dengan purata dan oleh itu sangat dipercayai. Jika sisihan piawai yang tinggi bermaksud terdapat perbezaan yang besar antara data dan tidak boleh dipercayai. Hasil kajian ini telah menunjukkan keseluruhan item bagi kedua-dua pernyataan mempunyai nilai sisihan piawai yang rendah iaitu menjelaskan bahawa data yang diperolehi adalah dipercayai.

Soalan terakhir dalam borang soal-selidik adalah bersifat terbuka yang membolehkan peserta memberikan cadangan penambahbaikan pada masa akan datang. Semua cadangan yang diberikan dianalisis dan diterangkan menggunakan perkataan awan yang merupakan alat mudah untuk menentukan subjek kandungan bertulis yang menunjukkan kekerapan perkataan.



**Rajah 5:** Ilustrator Perkataan Awan daripada Cadangan Penambahbaikan

Daripada ilustrator yang ditunjukkan, kata kunci yang paling tinggi ditemui adalah kursus peringkat lanjutan iaitu peserta ingin menghadiri lagi program ini pada peringkat seterusnya memandangkan kursus yang diadakan ini adalah di peringkat asas sahaja. Cadangan seterusnya daripada peserta adalah untuk menambah masa kursus untuk meningkatkan kemahiran. Terdapat juga peserta yang mencadangkan untuk menerapkan kemahiran keusahawanan semasa kursus bagi membantu peserta menjalankan perniagaan guntingan rambut.

### **5.0 Rumusan dan Cadangan**

Secara keseluruhannya kajian keberkesanan ini membuktikan majoriti peserta program PSH iaitu Asas Guntingan Rambut dan Guntingan Rambut Wanita telah berjaya meningkatkan kemahiran sehingga 94% di kalangan peserta dan 65% peserta pula berjaya menjana atau meningkatkan pendapatan mereka. Kerjasama bersama agensi swasta yang relevan dan berkualiti membuktikan ilmu kemahiran yang diperolehi oleh peserta menyumbang kepada kemahiran yang diperlukan oleh pelanggan. Konsep ini amat diperlukan bagi seseorang untuk meningkatkan kemahiran di alam pekerjaan sesuai dengan perkembangan teknologi semasa. Dapatan juga membuktikan semua peserta bersetuju dengan keperluan mengadakan program kolaborasi seumpama ini perlu dilaksanakan lagi pada masa akan datang di mana skor purata yang diperolehi adalah sangat memuaskan. Namun, sebelum membentuk suatu kerjasama antara dua pihak, ia memerlukan perancangan yang tersusun supaya program tersebut berjalan lancar dan mencapai objektif.

Selain itu, beberapa cadangan penambahbaikan wajar untuk dipertimbangkan bagi menjamin keberkesanan berterusan bagi program Guntingan Rambut. Antara beberapa perkara yang perlu diambil perhatian adalah seperti menyediakan suasana bilik salon yang lebih kondusif dengan kemudahan peralatan yang terkini dan berkualiti seiring kehendak pasaran. Unit PSH, KKPBB juga boleh mengadakan kerjasama dengan agensi swasta

yang lain dalam bidang Dandan Rambut supaya dapat mempelbagaikan perkongsian kemahiran dan pengalaman. Pengkaji juga akan memberi perhatian terhadap cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh peserta.

Perkembangan teknologi masa kini sangat pantas dan kemahiran dandan rambut juga tidak terkecuali. Kemahiran berkualiti yang diperolehi semasa program menyumbang kepada keyakinan untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran masa depan. Kolej Komuniti harus melengkapkan peranan sebagai pemberi kemahiran TVET berkualiti melalui pelaksanaan program kolaborasi dan kerjasama strategik bersama industri dan komuniti bagi merealisasikan ilmu kemahiran bertaraf dunia kepada semua lapisan masyarakat.

## 5.0 Rujukan

- Ealangov, S., Hanafiah, A. L. M., & Sheikh Abdullah, S. R. (2018). Keberkesanan Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat Dengan Pekebun Kecil Risda. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of of Life Long Learning*, 2, 121–130. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/PKKJLLL/article/view/4709%0Ahttp://myjms.mohe.gov.my/index.php/PKKJLLL/article/download/4709/1518>
- Mohd Zaini, M. S. F., Alias, N., & Mohd Yusoff, N. H. (2023). Keberkesanan Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Di Politeknik Port Dickson. *E-Prosiding Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat 2023 (SPSH 2023)*, 1, 20–28.
- Nik Ahmad Rizal, W. I., Radhiah, M., & Noor Azah, M. N. (2023). Pembelajaran Sepanjang Hayat Di Kolej Komuniti Kelantan dan Terengganu: Impak Ke Atas Penciptaan Pendapatan Melalui Kemahiran TVET. *E-Prosiding Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat 2023 (SPSH 2023)*, 1, 8–13.
- Razzian, M. R., Rasmuna, H., & Ahmad Khairunizam, Z. (2017). Laporan Kajian Persepsi Warga Kolej Komuniti Terhadap Peranan Dan Fungsi Kolej Komuniti. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*, 1(1), 2600–7738.
- Yunus, J., Musa, K., & Mansor, M. (2020). Pengaruh faktor sendiri dan institusi mempengaruhi minat mengikuti program pembelajaran sepanjang hayat PPGB-JAIS-UPSI. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(1), 95–111. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1601-08>
- Zurani, B. (2018). Hubungan Kolaborasi Dalam Proses Membantu Komuniti Berkemahiran Melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat.
- Zurani, B., & Mohamad, M. (2019). Kolaborasi dan Komunikasi dalam Kelestarian Pembelajaran Sepanjang Hayat. *Online Journal for Tvet Practitioners*, 4(2), 105–113.